

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24 / 9 / 2007



Dr. M dibedah kali kedua, bersihkan Juka

KUALA LUMPUR 23 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad (*gambar*) yang menjalani pembedahan kali kedua di Institut Jantung Negara (IJN) di sini malam tadi bagi membuang tisu luka pembedahan yang dijangkiti kuman dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

Menurut anaknya, Datin Paduka Marina, doktor-doktor yang membedah Dr. Mahathir malam tadi 'tersenyum' kerana keadaan bekas Perdana Menteri itu selepas pembedahan tersebut amat memberangsangkan.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan selama tiga jam malam tadi selepas 19 hari menjalani pembedahan pintasan jantung pada 4 September lalu. Pembedahannya pada awal bulan ini mema-

kan masa selama lima jam.

Prosedur membuang tisu dijangkiti kuman ekan pembedahan sebelum ini bermula pukul 11.30 malam dan berakhir pukul 2.30 pagi ini, menurut kenyataan yang dikeluarkan IJN hari ini.

IJN berkata, selepas dibedah kali kedua dalam tempoh tiga minggu, Dr. Mahathir kini dalam keadaan stabil. Beliau ditempatkan di bawah rutin sokongan selepas pembedahan jantung.

Kenyataan itu menyatakan, Dr. Mahathir dijangka memerlukan peralatan sokongan sekurang-kurangnya selama 36 jam dan tempoh 72 jam akan datang merupakan tempoh yang genting.

"Dr. Mahathir diletakkan di bawah pengawasan dan pemantauan doktor-doktor serta jururawat di

Unit Rawatan Rapi IJN," kata kenyataan itu, yang menambah Dr. Mahathir dibedah oleh kumpulan pakar sama yang membedahnya pada 4 September lalu diketuai oleh Tan Sri Dr. Yahya Awang.

Marina dalam blognya, *rantingsbyimm.blogspot.com*, menyatakan doktor pakar perlu membuat pembedahan sekali lagi ke atas bapanya kerana luka pembedahan sebelum ini dijangkiti kuman.

"Tiada cara lain untuk membuangnya selain daripada pembedahan yang perlu dilakukan malam tadi juga.

"Sebelum melalui pembedahan 4 September lalu, ayah kelihatan sihat dan cergas tetapi kali ini beliau semakin lemah dan usianya menjadi satu faktor," katanya.

